

**SOALAN NO.: 34**

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI**  
**KAWASAN : SUNGAI BESAR**  
**TARIKH : 31 JULAI 2017, ISNIN**

**SOALAN:**

**YB. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan perkembangan semasa projek Lebuhraya Persisiran Pantai Barat yang menghubungkan Banting dan Taiping terutamanya bagi kawasan FR5 iaitu Tanjung Karang ke Sabak Bernam.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman, Lebuhraya Pantai Pesisiran Barat atau *West Coast Expressway (WCE)* bermula dari Banting, Selangor dan berakhir di Taiping, Perak. Kerja-kerja pembinaan lebuhraya melibatkan pembinaan daripada pihak swasta (pemegang konsesi) yang melibatkan jajaran baru sepanjang 233km dengan bayaran tol manakala menaik taraf Jalan Persekutuan 5 (FR5) sedia ada sepanjang 81.5km dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR).

Bagi menaik taraf Jalan Persekutuan (FR5), ia bermula dari Tanjung Karang, Selangor iaitu sepanjang 50km dan berakhir di Hutan Melintang, Perak dan dari Teluk Intan, Perak hingga ke Kampung Lekir, Perak iaitu sepanjang 31.5km. Jajaran ini adalah jajaran yang tidak melibatkan bayaran tol.

Perkembangan semasa projek Menaiktaraf Jalan Persekutuan FR5 dari Tanjung Karang ke Sabak Bernam sehingga Jun 2017 adalah 25.32% (sebenar) berbanding 24.2% (jadual) iaitu awal 11 hari. Kerja-kerja ditapak dijalankan sebagaimana dirancang dan dijangka dapat disiapkan pada Mac 2020.

Sekian, terima kasih.